



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN AWAM**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI
KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**TARIKH IKLAN: 24 JULAI 2017
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 07 OGOS 2017
BILANGAN IKLAN: 61/07/17(SPA/BIKL)**

PERATURAN 7(a) – LUAR BIDANG

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Cara permohonan – Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.



- 1. MERINYU HAL EHWAL UGAMA
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
BAHAGIAN IV
D.2-3 EB.4 [\$650 - \$1,465 SEBULAN]
KEKOSONGAN= EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) Lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei atau lulus dengan Kepujian Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Lanjutan dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji E.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Telah lulus Peperiksaan Sekolah Ugama Darjah VI (Sijil Sekolah Rendah Ugama).
3. Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MERINYU HAL EHWAL UGAMA:

JABATAN HAL EHWAL SYARIAH

1. Menjalankan kuasa di bawah Bab 12 dan 13 Akta Daging Halal Penggal 183 dan sebagai Pegawai Pemeriksa di bawah bab 18 Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.



2. Menjalankan kuasa sebagai Pegawai Makanan di bawah bab 3(2) Akta Kesihatan Awam (Makanan) Penggal 182.
3. Bertanggungjawab menjalankan siasatan terhadap kes yang diadukan mengikut kehendak undang-undang.
4. Menyertai operasi yang dijalankan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal atau mana-mana agensi penguatkuasaan yang lain.
5. Memastikan maklumat-maklumat risikan di jaga dengan sempurna.
6. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN PENGUATKUASA AGAMA

1. Menjalankan penyiasatan ke atas kesalahan-kesalahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab 26 Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184. Dan lain-lain sebagaimana yang diperuntukan dalam undang-undang yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
2. Menerima *First Information Report* (FIR) / aduan dan menjalankan penyiasatan yang bersesuaian dalam tempoh yang ditetapkan.
3. Menyertai operasi yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Ugama atau agensi Penguatkuasa Undang-Undang yang lain.
4. Menyediakan apa jua permohonan kepada Jabatan lain sepertimana kehendak Fail Siasatan.
5. Menyediakan surat panggilan hadir kepada suspek atau saksi.



6. Melengkapkan Fail Siasatan untuk tindakan selanjutnya.
7. Merekodkan kesalahan yang telah selesai penyiasatan pendakwaan dan perbicaraan.
8. Menjalankan tapisan kesalahan Syariah.
9. Menyediakan laporan stasitik bulanan / tahunan penguatkuasaan.
10. Menerima arahan daripada pihak atasan dari semasa ke semasa.



PERINGATAN:

1. Bagi iklan jawatan bilangan I adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai kakitangan yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.
2. Tarikh Iklan : 24 JULAI 2017
3. Tarikh Tutup : 07 OGOS 2017
4. Tempat menghantar Borang Permohonan :

UNIT PENGAMBILAN KAKITANGAN, TINGKAT 3
BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
JALAN DEWAN MAJLIS, BB 3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PEMBERITAHUAN:

1. **Penggunaan Borang SPA/1**
 - a Semua permohonan hendaklah dengan mengisikan borang SPA/1.
 - b Semua pemohon dikehendaki mengisikan SATU (1) Borang SPA/1 khusus untuk SATU (1) jawatan sahaja.
 - c Pemohon yang memohon lebih dari satu (1) jawatan dikehendaki untuk mengisikan borang SPA/1 mengikut jumlah jawatan yang dipohonkan.
 - d Borang SPA/1 boleh didapati dilaman sesawang Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (www.spa.gov.bn) klik "Muat Turun" kemudian pilih Borang SPA/1 dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
 - e Sijil-sijil Akademik asal (asli) hendaklah dibawa semasa menghadapkan permohonan borang SPA/1 untuk pengesahan.
 - F Pemohon hendaklah menyertakan dua keping gambar terkini berukuran passport.
 - g Bagi Iklan jawatan Bilangan 1 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1.
2. Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan professional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan).
3. 4 Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi ditahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau sepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan 3 tahun.
5. Semua permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan tidak lewat dari tarikh tutup iklan. Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan tidak dilayan.